

01/09/2002

Penuh patriotisme (HL)

Raihanah Abdullah; Hafizah Iszahanid

KUALA LUMPUR: Ribuan rakyat Malaysia pelbagai kaum menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-45 semalam dalam suasana penuh semangat patriotisme, perpaduan dan keceriaan menerusi acara perbarisan dan perarakan di seluruh negara dengan acara kemuncaknya di Dataran Merdeka, di sini, semalam.

Perayaan gilang-gemilang yang disertai pelbagai kumpulan masyarakat, termasuk dari sektor awam, swasta dan badan sukarela, di sini, menunjukkan ada kelainan berbanding tahun sebelumnya apabila tumpuan diberikan kepada usaha memajukan industri pelancongan negara di samping menyemai semangat patriotisme di kalangan rakyat bagi memajukan negara selaras dengan tema 'Keragaman Malaysia'.

Kelainan sambutan tahun ini juga kelihatan apabila Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalulail dan Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Al-Marhum Tengku Abdul Rashid berangkat tiba di bangunan Sultan Abdul Samad di ibu negara dengan menaiki pedati diraja.

Pedati yang sebelum ini hanya digunakan untuk acara rasmi Seri Paduka ditarik oleh empat ekor kuda dengan diiringi 21 pengiring berkuda. Ketibaan Seri Paduka tepat jam 8 pagi, dimeriahkan lagi dengan sorakan hadirin yang membanjiri Dataran Merdeka dan perkarangan Sultan Abdul Samad sejak awal pagi.

Ketibaan Seri Paduka disambut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri masing-masing. Hadir sama pada majlis itu ialah menteri Kabinet dan duta dan perwakilan asing.

Sejurus tiba, Seri Paduka memeriksa perbarisan kehormat membabitkan tiga pegawai dan 102 anggota pelbagai pangkat dari Batalion Satu Rejimen Askar Melayu Diraja yang diketuai Mejar Ismail Osman.

Acara dimulakan dengan menaikkan Jalur Gemilang dan nyanyian Negaraku, serentak itu lima helikopter TUDM yang membawa Jalur Gemilang dan bendera Angkatan Tentera Malaysia melintasi ruang udara Dataran Merdeka.

Selepas itu, kumpulan koir maktab perguruan diperdengarkan diikuti ikrar Rukun Negara oleh tujuh pelajar sekolah di sekitar Lembah Klang.

Acara padang tahun ini juga menyajikan kelainan dari segi persembahan paluan 1,584 gendang yang mewakili pelbagai kumpulan etnik di negara ini, sebelum acara sambutan diteruskan dengan perarakan 14 kereta berhias oleh syarikat dan pertubuhan yang terbabit dalam industri pelancongan.

Perarakan selama tiga jam itu turut disertai sejumlah 12,550 peserta, 51 kontinjen dan 23 pancaragam daripada pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), sektor swasta dan pasukan beruniform termasuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam dan Rela. ATM juga mempertontonkan peralatan canggih seperti kereta kebal, kereta perisai dan senjata penangkis kapal terbang.

Ketika kontinjen ATM melintasi pentas diraja, ruang udara turut bergema dengan desingan 59 pesawat Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) termasuk pesawat pejuang FA-18 Hornet, MIG-29 dan Hawk yang membuat pertunjukan dan lintas hormat selain.

Buat pertama kali skuter nasional Comel Modenas diperkenalkan kepada orang ramai.

Perarakan itu juga mempesonakan pelancong apabila salah seorang daripada mereka, Helen Bruges, 45 perunding kewangan dari Amerika Syarikat menyifatkan perarakan itu seolah-olah dianjurkan oleh Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (PBB).

"Semua orang ada di sini...ada orang Melayu, Cina dan India. Anda sebut apa saja bangsa, semuanya ada. Perarakan itu menunjukkan bagaimana keadaan dunia sepatutnya," kata beliau.